

Soalan 1

Bagaimanakah cara untuk membuat pendaftaran kursus?

Jawapan

Caranya ialah :-

1. Mendaftar diri di laman web rasmi iaitu di <https://ites.wildlife.gov.my/>
2. Melihat kursus yang ditawarkan di kalender takwim selepas mendaftar.
3. Memilih kursus yang diinginkan dan daftar kursus.
4. Menunggu keputusan daripada pegawai atau penyelia program.
5. Menghadiri kursus dengan kehadiran penuh mengikut sesi.
6. Membuat pengesahan kehadiran dengan melakukan **scan QR** kod.

Soalan 2

Bagaimanakah cara untuk membuat penilaian kursus IBD?

Jawapan

Peserta kursus IBD boleh membuat penilaian kursus IBD dalam **Integrated Training and Education System Institut Biodiversiti (ITES IBD)** dengan menggunakan komputer / telefon bimbit.

Soalan 3

Apakah jenis kursus yang terdapat/ditawarkan di Institut Biodiversiti (IBD) dan siapakah golongan sasaran peserta bagi kursus di IBD?

Jawapan

Kursus yang diadakan di IBD adalah berdasarkan program latihan yang terdapat di IBD iaitu pengurusan hidupan liar, kawasan perlindungan, penguatkuasaan undang-undang Akta 716, program pembangunan kerjaya dan pentadbiran. Golongan yang disasarkan ialah kakitangan Jabatan PERHILITAN. Namun, ada juga kursus yang dibuka penyertaannya kepada peserta daripada pelbagai jabatan / agensi Kerajaan dan pihak swasta.

Soalan 4

Bagaimanakah pemilihan peserta dilakukan?

Jawapan

Pemilihan peserta dibuat berdasarkan pencalonan oleh ketua jabatan/ketua bahagian yang berkenaan. Sekiranya terdapat mana-mana penjawat awam yang memohon secara atas talian, permohonan perlu disokong/melalui ketua jabatan/ketua bahagian. Mana-mana permohonan selain dari Jabatan PERHILITAN, kelulusan berdasarkan kelayakan dan kekosongan.

Soalan 5

Bagaimanakah Takwim Latihan dirangka?

Jawapan

Takwim Latihan dirangka melalui Bengkel Latihan dan penilaian semula latihan. Bengkel ini dihadiri oleh pakar daripada pelbagai bidang yang berkenaan .

Soalan 6

Adakah kemudahan asrama disediakan untuk peserta kursus?

Jawapan

Ya, namun kemudahan seperti toaia, seterika, *toiletries*, cerek air dan papan seterika **tidak disediakan**.

Soalan 7

Adakah peserta kursus dibenarkan menggunakan kemudahan internet di Makmal Komputer IBD?

Jawapan

Ya.

Soalan 8

Bagaimana untuk membuat aduan sekiranya terdapat apa-apa kemudahan/perkhidmatan yang tidak memuaskan?

Jawapan

Urus setia kursus

Soalan 9

Adakah kursus dijalankan pada waktu malam?

Jawapan

Bergantung kepada kursus yang berkenaan.

Soalan 10

Adakah IBD mengadakan sesi lawatan selain daripada ceramah?

Jawapan

Bergantung kepada modul kursus.

Soalan 11

Bolehkah IBD mengadakan kursus kerjasama dengan mana-mana jabatan / agensi Kerajaan yang lain?

Jawapan

Boleh.

Soalan 12

Bagaimanakah caranya sekiranya terdapat pelanggan IBD ingin mencadangkan kursus-kursus baharu?

Jawapan

Mana-mana pihak yang berminat boleh mengemukakan cadangan melalui surat / e-mel kepada Pengarah IBD.

Soalan 13

Adakah kemudahan wifi disediakan?

Jawapan

Ya, ada.